

542:

MAHATHIR

1975

ALOR SETAR, 13 DIS. (BERNAMA) --MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN HARI INI HANYA GURU-GURU SEMENTARA YANG MEMPUYAI KELULUSAN YANG DIPERLUKAN SAHAJA AKAN DIBERI KEUTAMAAN MENGIKUTI KURSUS LATIHAN PERGURUAN DALAM MASA CUTI.

KEUTAMAAN AKAN JUGA DIBUAT MENGIKUT TEMPOH PENGALAMAN MENGAJAR GURU-GURU TERSEBUT. KATANYA KETIKA MERESMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN PERSATUAN GURU-GURU MELAYU KEDAH DI DEWAN GURU DI SINI.

BELIAU BERKATA, GURU-GURU ITU HENDAKLAH LULUS SPM/MCE/SC, DENGAN MENDAPAT SEKURANG-KURANG KEPUJIAN DALAM DUA MATA PELAJARAN TERMASUK BAHASA MALAYSIA II.

GURU-GURU YANG HANYA LULUS DALAM BAHASA MALAYSIA I; JUGA AKAN DIPERTIMBANGKAN DENGAN SYARAT MEREKA YANG TERPILIH HENDAKLAH MENCAPAI KEPUJIAN DALAM MATA PELAJARAN ITU SEBELUM TAKAT LATIHAN.

KATANYA, GURU-GURU SEMENTARA YANG TIDAK MEMPUYAI KELULUSAN YANG DIPERLUKAN AKAN DIBERI TEMPOH TIGA TAHUN BAGI MENDAPATKAN KELULUSAN TERSEBUT SEBELUM MEREKA DAPAT DIPERTIMBANGKAN UNTUK DIBERI LATIHAN.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEKIRANYA DALAM TEMPUH TERSEBUT MEREKA GAGAL MENDAPATKAN KELAYAKAN DAN LAIN-LAIN SYARAT YANG DIKEHENDAKI, GURU-GURU ITU AKAN DIBERHENTIKAN.--BERSAMBUNG BY 2056

543:

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

MENGENAI PENGAMBILAN GURU-GURU SEMENTARA BAGI TAHUN DEPAN BELIAU BERKATA KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA MEREKA YANG SEDANG BERKHIDMAT DAN MEMPUYAI PENGALAMAN MENGAJAR SELAMA SEKURANG-KURANGNYA DUA TAHUN PADA FEBRUARI LALU SERTA BELUM DITAWARKAN BAGI MENGIKUTI KURSUS LATIHAN PERGURUAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, INI BERGANTUNG KEPADA KEKOSONGAN JAWATAN YANG ADA.

BAGI GURU-GURU SEMENTARA YANG PERTAMA KALI BERKHIDMAT DALAM TAHUN INI, KEMENTERIAN PELAJARAN TIDAK DAPAT MEMBERI JAMINAN UNTUK MEMBERI KURSUS KECUALI MEREKA DIAMBIL BERTUGAS SEMULA TAHUN HADAPAN.

BAGAIMANAPUN MEREKA BOLEHLAH MEMOHON UNTUK MENGIKUTI KURSUS.

MENGENAI PERLANTIKAN GURU-GURU BESAR, DR. MAHATHIR BERKATA PERJUANGAN UNTUK NAIK PANGKAT ITU TELAH MENJADI-JADI.

DI MALAYSIA BARAT TERDAPAT 4,323 BUAH SEKOLAH RENDAH DI MANA GURU-GURU YANG TERLIBAT DALAM SEKOLAH-SEKOLAH BERJUMLAH 49,028 ORANG.--BERSAMBUNG BY 2101

544:

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

DARI JUMLAH TERSEBUT TERDAPAT 2,329 BUAH SEKOLAH KEBANGSAAN DENGAN GURU-GURU BERJUMLAH 23,046.

KATANYA, INI BERMAKNA TIAP-TIAP 10 ORANG GURU HANYA SEORANG SAHAJA YANG BOLEH DILANTIK MENJADI GURU BESAR.

DI AKHIR UPACARA ITU DR. MAHATHIR TELAH MENYAMPAIKAN SEKEPING CEK BERNILAI 22,000 SEBAGAI DERMA KEPADA PUAN SOFIAH BINTE SHAFIEE, BALU CIRKU MAY ISA BIN YUNUS, DARIPADA PERSATUAN GURU-GURU MELAYU KEDAH.--BERNAMA BY 2103